



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 23 BILANGAN 18

RABU 3HB. MEI, 1978.

1398 جمادي الاول رابو 25

PERCHUMA

DYMM BERANGKAT MELAWAT TIGA BUAH KAMPONG

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berangkat melawat tiga buah kampung di Daerah Brunei/Muara pada hari Isnin lepas. Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah juga turut berangkat bersama2 dalam rombongan Baginda itu.

Kampung2 yang Baginda lawati ia-lah Kampung Batu Marang, Pulau Berbunot dan Pulau Baru-Baru. Ketiga2 buah kampung ini terletak di-Telok Brunei.

Kampung yang pertama Baginda lawati ia-lah Kampung Batu Marang di-mana Baginda dan rombongan telah di-sambut dengan meriahnya oleh penduduk2 di-kampung tersebut.

Sepanjang perjalanan Baginda melalui jambatan

Sungai Buloh ka-kampung tersebut, Baginda telah di-iringi dengan pukolan hadharah dan dari sana Baginda menaiki speed bot ka-Kampung Batu Marang. Dalam perjalanan itu ber-puluh2 buah motor sangkut yang di-hiasi dengan warna-warni mengiringi speed bot Baginda.

Keberangkatan Baginda ka-kampung tersebut telah di-sambut oleh beratus2 orang penduduk dan murid2 sekolah sambil melambai2kan bendera Negeri Brunei.

Sa-telah berehat sa-bentar, Baginda dan rombongan berangkat dengan menaiki speed bot untuk meneruskan lawatan Baginda ka-Kampung2 Pulau Berbunot dan Pulau Baru-Baru.

Keberangkatan Baginda dan rombongan ka-kampung2 tersebut juga telah di-sambut meriah oleh penduduk2 kampung2 tersebut.

Ini ada-lah lawatan Baginda yang kedua ka-kampung2 luar bandar pada tahun ini. Dalam bulan Mach lalu, Baginda telah melawat empat buah kampung di-Daerah Brunei/Muara ia-itu Kampung2 Limau Manis, Junjongan, Kasat dan Putat.



Gambar menunjukkan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ketika berangkat ka-Kampung Batu Marang dan di-sambut meriah oleh penduduk2 kampung tersebut.

Kembalikan borang2 tanya dgn. segera

BANDAR SERI BEGA-WAN.—Bahagian Perangkaan Jabatan Setia Usaha Kerajaan meminta badan2 perusahaan dan perniagaan di-bidang swasta yang belum lagi mengembalikan borang2 tanya yang telah di-hantar kepada mereka supaya berbuat dengan se-besarnya segera.

Borang2 yang telah di-kiriskan kepada mereka dalam bulan Februari dan Mach mengandungi penerangan supaya mereka mengembalikan borang2 tanya itu dalam tempoh 40 hari.

Satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Bahagian Perangkaan minggu ini, menyatakan bahawa tempoh tersebut telah pun terlewat dan sa-hingga hari ini masih banyak lagi badan2 perusahaan dan perniagaan belum mengembalikan borang2 tersebut.

Lihat muka 16

Kemajuan tidak akan terchapai tanpa ada-nya kerjasama

BANDAR SERI BEGA-WAN.—Kemajuan sa-sebuah negara tidak akan dapat di-chapai jika tidak disertai dengan penuh pengertian dan kerjasama dari orang lain sekalipun sa-

suatu sumbangan yang besar itu di-berikan oleh sa-orang raayat yang cherdek pandai dan berpengetahuan luas.

Ibarat sa-buah kapal, juragan tidak akan dapat

menempoh lautan besar apa-tah lagi menuju sasarannya jika tidak di-sertai oleh kerjasama dan rasa tanggung-jawab sa-penohnya dari anak2 buah kapalnya.

Ini bererti tiap2 pekerjaan kapal itu dari juragan hingga tukang masak mempunyai tugas2 yang tertentu, tugas2 yang sama besar dengan tujuan yang sama dalam membawa kapal tersebut ka-arahan haluan dan tempat yang di-maksudkan.

Demikian telah di-sabdakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibol Karib Pengiran Anak Idris, Pmk Pesuruhjaya Buroh Brunei ketika menutup rasmi Kursus Sivik Bimbingan Tenaga pada hari Rabu minggu lepas.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Diraja Sahibol Karib menambah sabda, sesuai dengan tema kursus itu BERDIKARI ASAS PEMBANGUNAN sudah

kena pada tempat-nya ia memperseimbangkan tujuan dan matalamat Kerajaan sa-bagai pembimbing hasrat dan meninggikan taraf hidup raayat dengan chara bekerjasama dalam apa jua aspek kemajuan yang berkebaikan yang akan mendatangkan munafaat kepada negara kita.

"Bukan-lah fahaman berdiri di-atas kaki sendiri itu semata2 untuk meninggikan kepentingan diri sendiri tanpa memikirkan kepentingan orang lain tetapi ia-lah untuk mendisiplinkan diri jangan terlampau mengharap pertolongan orang lain, tetapi mengkaji dan menyukai kebolehan masing2 pada menghadapi chubaa dan halangan2 terutama dalam pekerjaan yang telah di-untukkan kepada kita", sabda Yang Amat Mulia itu lagi.

Menyentuh dengan pekerjaan di-sektor2 persendirian di-negeri ini yang sa-

Lihat muka 16

RANCHANGAN TV PENDIDEKAN BERMULA MINGGU DEPAN

BANDAR SERI BEGA-WAN.—RTB akan melaksanakan siri ranchangan pelajaran ka-sekolah2 rendah dengan memulakan siarannya pada 8hb Mei ini, mulai jam 8.00 hingga 10.00 pagi.

Ujian pемancharan-nya telah di-lakukan pada 1hb Mei lepas.

Pengawal RTB, Awang James Miller menyatakan hari ini, ranchangan itu ada-lah projek Jabatan Pelajaran yang di-selenggarakan bersama oleh RTB.

Dalam projek awal ini, kata-nya, ia-nya ada-lah merupakan satu rantisan bagi mengesankan-nya ka-sekolah2 rendah dan untuk permulaan ini, Jabatan Pelajaran telah membekalkan peti2 TV ka-beberapa buah sekolah sa-bagai perchubaa-an.

"Ada-lah di-harapkan yang ranchangan tersebut

akan di-luaskan ka-seluruh sekolah2 rendah di-negeri ini", kata-nya.

Kandungan ranchangan itu dalam perengkat awal ini hanya-lah akan membekalkan pelajaran Bahasa Inggeris dan mata2 pelajaran sains.

Pelajaran melalui TV ini ada-lah di-sediakan oleh ahli2 pelajaran yang berpengalaman yang sedang di-perbantukan di-RTB terutama-nya pegawai2 tempatan.

Projek ini di-laksanakan ada-lah bertujuan untuk meninggikan lagi taraf pelajaran di-Brunei.

(PELITA BRUNEI, mulai keluaran minggu depan akan chuba menyiarkan kandungan2 yang akan di-siarkan untuk ranchangan tersebut sa-lain dari ranchangan2 RTB yang biasanya di-tonton pada tiap2 malam itu).



Y.A.M. Pengiran Indera Setia Diraja Sahibol Karib Pengiran Anak Idris bersabda di-Majlis Penutup Kursus Sivik Bimbingan Tenaga pada hari Rabu lalu.



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
BRUNEI

3HB MEI, 1978

SIKAP MEMILEH KERJA

MASAALAH pengangguran di-negeri kita Brunei sebenar-nya tidak ujud, kerana hingga sekarang ini masih terdapat hampir 14,000 orang pekerja luar negeri terpaksa di-datangkan ka-negeri ini untuk menyelenggarakan pekerjaan bagi pembangunan dan kemajuan negara. Apa yang menjadi masalah kepada pemohon yang belum mendapat kerja atau kepada mereka yang ingin mendapatkan pekerjaan ialah sikap memilih kerja. Kebanyakan daripada mereka itu semata-mata ingin bekerja di-jabatan Kerajaan sahaja sedangkan kerja lain masih banyak terdapat di-sektor swasta, syarikat-pembangunan dan lain-lain syarikat perusahaan dan perniagaan di-negeri ini.

Peluang bekerja masih terbuka luas terutama kepada belia dan beliawan di-lapangan kerja sebagai anggota Pasukan Polis Diraja Brunei dan Askar Melayu Diraja Brunei. Di-Syarikat Minyak Shell Brunei, pemohon kerja hanya kebanyakan-nya terdiri dari penduduk di-Daerah Belait, jarang atau sedikit sahaja pemohon dari Daerah Tutong, Brunei/Muara dan Temburong. Sa-buah syarikat swasta di-Kuala Belait yang di-panggil Reading and Bates menghendaki seberapa banyak pekerja terdiri dari anak tempatan sekarang! Dari kenyataan tersebut menunjukkan kepada kita bahawa pengangguran tidak ujud di-negeri kita Brunei sekarang ini!

Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Laila Utama Awang Haji Abdul Rahman, Pengerusi Surohanjaya Perkhidmatan Awam, sa-waktu merasmikan Kursus Sivik Bimbingan Tenaga baru ini, mengingatkan kepada mereka yang masih belum mempunyai pekerjaan di-negeri ini supaya tidak terlalu memilih pekerjaan, kerana perbuatan demikian akan merugikan diri sendiri dan negara. Merugikan kita sendiri, maksud-nya, kita tidak dapat sama sekali menikmati hasil pembangunan atau dengan perkataan lain, kita hanya sa-bagai penonton di-negeri kita sendiri sedangkan orang lain asheh berkecimpung dan mengaut sa-banyak-nya hasil kekayaan dari pembangunan negara kita ini. Dan negara kita juga tumpang rugi dan tumpang bersekeh melihat keadaan anak watan-nya sendiri tidak atau kurang mengambil bahagian dalam pembangunan negara yang sedang berjalan dengan lancar-nya itu.

"Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia hanya bertanggung-jawab dalam melengkapkan dan membimbing tiap2 tenaga rakyat di-negeri ini supaya ia-nya akan terus berjuang untuk menghadapi soal2 hidup. Justeru itu kepada mereka yang belum mempunyai pekerjaan di-negeri ini di-ingatkan supaya tidak akan menaruh rasa kechewa yang mana dengan perasaan kechewa ini nanti anasir2 jahat akan dengan mudah memperalatkan mereka untuk merosakkan bangsa dan negara", demikian antara lain peringatan Ketua Pegawai Penerangan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Mohd Saleh bin Haji Masri, dalam majlis perasmian Kursus Sivik Bimbingan Tenaga yang baru lalu.

DALAM siri2 ke-9 dan ke-10 yang lalu bagi mengetahui dalam hal ehwal Jabatan Pelajaran ini kita telah meninjau kegiatan2-nya dalam Bahagian Pelajaran Dewasa untuk mengetahui liputan seterusnya kita beralah kepada hal2 persekolahan dari pelajaran rendah, menengah dan atas bagi kedua2 aliran Melayu dan Inggeris.

Kita mulakan tinjauan kita ini dari Sekolah Rendah Aliran Melayu di-seluruh negeri. Dan bagi menyenangkan pentadbiran Jabatan Pelajaran dalam hal ini sekolah2 tersebut di-bahagikan pada tiap2 daerah beberapa bahagian. Daerah Brunei dan Muara di-bahagikan kepada tiga bahagian, Tutong di-bahagikan kepada dua bahagian. Oleh kerana kawasan Belait dan Temburong tidak mempunyai ramai penduduk maka di-daerah2 itu tidak-lah di-bahagikan.

Liputan yang kita paparkan ini ada-lah liputan dari Jabatan Pelajaran bagi tahun 1977. Kita fikir perlu bermula dari tahun 1977 sa-belum kita meninjau ka-tahun 1978 ini kerana dengan itu kita akan dapat membuat perbandingan mengenai dengan kemajuan dan keramaian2 murid2 dari sa-tahun ka-tahun kerana ini perlu di-ketahui oleh keseluruh rakyat di-negeri ini. Dengan mengetahui ini semua akan menimbulkan kesedaran kepada kita akan pertambahan yang begitu pesat dari sa-tahun ka-setahun dan dengan ini ibubapa akan dapat memperadukan kemajuan2 anak2 mereka sendiri dalam hal bidang2 pelajaran. Dengan statistik yang di-paparkan ini akan dapat memberikan keinsafan kepada ibubapa khas-nya supaya melipat gandakan lagi kemajuan2 anak2 mereka dalam zaman perlumbaan ini.

Kita di-negeri ini boleh di-katakan amat bertuah sekali kerana dalam hal2 pelajaran anak2 rakyat di-negeri ini di-berikan dengan perchuma baik aliran Melayu mau pun aliran Inggeris. Oleh itu peluang yang telah di-berikan oleh Kerajaan DYMM melalui Jabatan Pelajaran ini supaya benar2 dapat di-pengertian oleh para ibubapa seluruh-nya bagi bertanggung-jawab terhadap anak2 mereka yang bakal akan menjadi rakyat yang berguna terhadap bangsa dan tanah ayer. Kita tidak-lah berniat akan mengulas panjang lebar mengenai dengan kemudahan2 yang telah di-berikan ini, kerana seluruh lapisan rakyat telah mengetahui dan faham dengan apa jua segala kemudahan2 yang telah di-berikan dalam bidang pelajaran ini oleh Kerajaan DYMM Sultan kita.

Dengan itu sekarang kita bermula meliput liputan2 keramaian Murid2 Sekolah Rendah Aliran Melayu bagi tahun 1977 seluruh negeri.

Kita bermula dari Daerah Brunei-Muara seperti jadual2 yang tersebut :

JADUAL I

KERAMAIAAN MURID2 SEKOLAH2 RENDAH ALIRAN MELAYU BAHAGIAN BRUNEI I

Bil.	Nama Sekolah/Tempat	Keramaian murid		
		Lelaki	Perm.	Jumlah
1.	SM Datu Ahmad Burong, Kg Ayer	110	86	196
2.	SM Pehin Dato Jamil, Kg Ayer	243	221	464
3.	SM Sultan Lama, Kg. Ayer	270	305	575
4.	SM Lela Menchanai, Kg Ayer	545	37	582
5.	SM Pintu Malim, Jalan Kota Batu	64	72	136
6.	SM Pusu Ulak, Kg Pusu Ulak	589	40	629
7.	SM Raja Isteri Fatimah, Kg Mabohai	—	430	430
8.	SM Sungai Kebun, Kg Sg Kebun	160	480	640
9.	SR Haji Tariq, Kg Ayer	158	119	277
10.	SR PAP Besar, Kg Perama	172	146	318
Jumlah		2,380	2,161	4,541

JADUAL II

KERAMAIAAN MURID2 SEKOLAH2 RENDAH ALIRAN MELAYU BAHAGIAN BRUNEI II

Bil.	Nama Sekolah/Tempat	Keramaian murid		
		Lelaki	Perm.	Jumlah
1.	SM Amar Pahlawan, Kg. Perpindahan Berakas	153	128	281
2.	SM Anggerek Desa, Kg Anggerek Desa	341	312	653
3.	SM Haji Md Yusof, Kg Kati Mahar, J. Tutong	73	80	153
4.	SM Anak2 AMDB, Berakas Kem	178	168	346
5.	SM BS Bunut, Batu 5 Jalan Tutong	111	127	238
6.	SM Datu Maha Wangsa, Kg Lambak, Berakas	172	146	318
7.	SM Delima I, Kg Delima I, J. Muara	131	101	232
8.	SM Gadong, Batu 3, Jalan Gadong	125	132	257
9.	SM Haji Md. Salleh, Kg Sg Hanching, Jalan Muara	113	100	213
10.	SM Jerudong, Kampong Jerudong	79	78	157
11.	SM Kiarong, Kampong Kiarong	23	21	44
12.	SM Kiulap, Kampong Kiulap	54	59	113
13.	SM OKSB Kilanas, Kg Kilanas	115	112	227
14.	SM Sengkuring, Kg Sengkuring	194	166	360
15.	SM Pantai Jiam, Kg Beribi	30	19	49
16.	SM Serasa, Kg Serasa	30	40	70
17.	SM SUAS Muara, Pekan Muara	183	154	337
18.	SM Tanah Jambu, Kampong Tanah Jambu	51	29	80
19.	SM Tungku, Kampong Tungku	25	25	50
Jumlah		2,181	1,997	4,178

JADUAL III

KERAMAIAAN MURID2 SEKOLAH2 RENDAH ALIRAN MELAYU BAHAGIAN BRUNEI III

Bil.	Nama Sekolah/Tempat	Keramaian murid		
		Lelaki	Perm.	Jumlah
1.	SM Baru Baru, Kg Pulau Baru Baru	29	27	56
2.	SM Berbunut, Kg Pulau Berbunut	9	13	22
3.	SM Batu Marang, Kg Batu Marang	101	94	195
4.	SM Bengkurong, Kg Bengkurong	26	34	60
5.	SM Dato Gandi, Kg Dato Gandi	146	137	283
6.	SM Junjong, Kg Junjong	32	33	65
7.	SM Kasat, Kampong Kasat	34	40	74
8.	SM Lumapas, Kampong Lumapas	76	67	143
9.	SM Masin, Kampong Masin	35	22	57
10.	SM Mentiri, Kampong Mentiri	28	29	57
11.	SM Mulaut, Kampong Mulaut	43	40	83
12.	SM NAR Menungol, Kampong Menungol	27	30	57
13.	SM OKBI Subok, Kampong Subok	47	41	88
14.	SM Panchor Murai, Kampong Panchor Murai	34	36	70
15.	SM Pangkalan Batu, Kampong Pangkalan Batu	37	40	77
16.	SM PB Limau Manis, Kampong Limau Manis	91	62	153
17.	SM Puduk, Kampong Puduk	14	25	39
18.	SM Putat, Kampong Putat	27	37	64
19.	SM S. Abd. Bubun, Kg Sg Besar	51	39	90
20.	SB Bebuloh, Kampong Bebuloh	59	37	96
Jumlah		946	883	1,829

Jadual2 yang tersebut di-atas tadi ada-lah sekolah2 yang termasuk dalam Daerah Brunei-Muara. Brunei I ada-lah sekolah2 yang bermasok dalam kawasan Bandar, dan Sekolah2 Bahagian Brunei II, sekolah2 yang sederhana jauh dari kawasan Bandar, dan bagi sekolah2 bahagian Brunei III pula ia-lah terjumlah sekolah2 yang jauh dari bandar. Tetapi sekolah2 yang tersebut itu tadi kemudahan2 perhubungan ada-lah pada masa ini boleh di-katakan baik hanya beberapa buah sekolah sahaja yang masih menggunakan perhubungan di-aver seperti Sekolah Melayu Menungol, Sekolah2 Melayu Baru-Baru, Sekolah Pulau Berbunut, Sekolah Melayu Puduk.

GURU2 dan penuntut Sekolah Inggeris Berakas telah menyumbangkan sa-jumlah \$943.60 sa-bagai derma simpati kepada keluarga Awang Iring bin Abdul Latif. Derma tersebut telah di-sampaikan kepada Awang Iring oleh Pengetus sekolah tersebut, Awang Adnan bin Buntar pada hari Sabtu lalu (gambar bawah).

Di-majlis penyampaian derma itu, Awang Adnan juga telah menghadiahkan beberapa buah buku teks kepada anak Awang Iring.

Awang Iring, sa-orang pemandu teksi telah kehilangan rumah-nya akibat satu kebakaran kira2 tiga minggu yang lalu.

Pada minggu lalu, Awang Iring juga telah menerima sa-jumlah \$550 dari Persatuan TIBA dan anak2 buah Kampong2 Sungai Hanching dan Salambigar.

Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebih rendah di-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 27hb April, 1978.

BANDAR SERI BEGAWAN

1. BAWANG MERAH — \$1.70 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Ming Thai Campony,
No. 32, Jalan Sultan.
2. KACHANG MERAH — \$1.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Lam Seng,
No. 3, Jalan McArthur.
b) Ming Thai Company,
No. 32, Jalan Sultan.

KUALA BELAIT

1. BAWANG MERAH — \$1.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Choo Seng,
No. 20, Jalan Pretty.

2. KACHANG MERAH — \$1.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Choo Seng,
No. 20, Jalan Pretty.
a) Koh Kit Hin,
No. 28, Jalan Pretty.
c) Kok Kee,
No. 60, Jalan Pretty.

SERIA

1. BAWANG MERAH — \$1.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Foo Hap Shing,
No. 20 Jalan Sultan Omar Ali.
2. KACHANG MERAH — \$1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Chop Kim Huat,
No. 53, Jalan Bunga Kuning.





Awang Bangok juga menguruskan pembahagian dawai2 berduri untuk pagar kawasan skim tersebut.



Awang Bangok, menunjukkan Ketua Kampung, Kampong Junjongan, salah sa-orang peserta skim, bagaimana mengawal rumpai di-keiling pokok kelapa dengan menggunakan rumpai.

SKIM TANAMAN KELAPA DI-KAMPONG JUNJONGAN

JABATAN Pertanian dengan kerjasama Jabatan Tanah telah melancarkan skim penanaman kelapa di-Kampong Junjongan pada awal tahun 1976. Bilangan penduduk menyertai skim ini, yang terdiri dari penduduk2 Kampong Jun-

jongan dan kawasan2 sekitar-nya, ia-lah sa-ramai 63 orang, dan tiap2 sa-orang terlibat dalam penanaman dua ekar.

Berbagai2 bantuan dan kemudahan telah pun diberikan dan akan terus diberikan kepada para peser-

ta dalam pelaksanaan skim ini. Pada tahun pertama mereka di-beri bantuan untuk memberse dan menyediakan kawasan tanaman mereka. Ini termasuk bantuan membena parit yang di-perlukan, serta pembekalan dawai berduri, benih, baja dan kimia2 pertanian dengan perchuma. Pada tahun2 kedua, ketiga, ke-empat, dan kelima, apabila tanaman di-jangka mulai mengeluarkan hasil, para peserta skim juga di-beri bantuan kewangan untuk di-gunakan dalam usaha2 pemeliharaan tanaman mereka yang sempurna.

Pelaksanaan skim ini terbagi kepada dua peringkat. Peringkat pertama melibatkan penanaman 60 ekar oleh 30 orang peserta dan telah mula di-usahakan pada bulan Jun 1976. Peringkat kedua pula melibatkan penanaman 66 ekar oleh 33 orang peserta dan bermula pada bulan September 1977.

Untuk memastikan yang skim ini berjalan dengan baik dan mencapai matlamat yang di-harapkan, Jabatan Pertanian, telah mempertanggung-jawabkan pengawasan-nya yang rapi kepada sa-orang pegawai yang juga bertugas sebagai pegawai Pengembangan di-Mukim Pengkalan Batu. Pegawai ini, di-samping menguruskan segala bantuan2 dan kemudahan2 yang telah di-sebutkan, juga bertanggung-jawab dalam menghuraikan apa juga jenis2 masalah yang dihadapi oleh para peserta skim.

Kelapa di-negeri ini biasanya di-tanam di-halaman2 rumah, di-mana kebanyakan dari para pengusaha masing2 menanam 2-3 atau 3-4 pokok sahaja. Ini dan chara menanam yang kurang penjagaan yang rapi, menghasilkan kekurangan buah2 kelapa yang tinggi. Ada-lah di-harapkan agar skim tanaman kelapa di-Kampong Junjongan ini, dan juga pelancharan skim yang serupa di-kawasan2 lain lagi nanti, akan dapat menambah lagi kekurangan pengeluaran yang ujud sekarang, dan sa-bagai matlamat jangka panjang juga akan dapat memenohi keperluan penduduk2 dalam negeri ini.



Semaian benih kelapa di-Steshen Pertanian Birau, yang menyediakan benih2 untuk di-cadarkan kepada peserta2 skim tersebut.

Padang Besar di-tutup

BANDAR SERI BEGAWAN.—Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan mengumumkan bahawa Padang Besar Bandar Seri Begawan telah di-tutup bagi kegunaan orang ramai mulai 1hb Mei lepas. Langkah untuk membolehkan kerja2 di-jalankan ka-atas padang itu bagi persiapan sambutan hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dalam bulan Julai.

Kerjasama orang ramai di-kehendaki terutama dari belia2 supaya tidak menggunakan padang itu ketika kerja2 itu di-jalankan. Satu tarikh apabila padang itu di-buka kepada orang ramai akan di-umumkan kemudiam.

DARAH KELUAR DARI TAPAK TANGAN — Rajah

Lukisan A

Di-sebabkan oleh terhiris oleh benda yang tajam seperti pisau, besi dan lain2. Jika tidak ada benda2 lain masuk pada luka itu buat-lah seperti ini.

1. Dudukan orang itu di-atas kerusi.
2. Angkat bahagian yang luka itu ka-atas sedikit.
3. Sa-belum menolong tangan kita hendak-lah bersej sebab menjauhkan kuman dari menjangkit ka-tempat luka itu.
4. Letakkan kain gauze (gabus) atau kain bersej yang di-putong sesuai dengan lebar luka, letakkan pada tempat luka dan arahkan pesakit menekan jari2-nya ka-kain gabus sa-chara ganggam.
5. Balut dengan kain tiga segi atau bandage (lihat rajah)
6. Ampu bahagian chedera itu dengan anduh lengan kain tiga segi.
7. Hantar ka-hospital bagi sa-lanjut-nya.

LIDAH BERDARAH

Jika berdarah bahagian hadapan lidah di-sebabkan tergigit atau terkap, tekan tempat berdarah itu dengan kain atau kapas, gauze (gabus) atau pun benda lembut yang kecil lagi bersej, pegang di-antara jari dan ibu jari.

LEBAM (bruise)

Di-sebabkan pechah-nya urat2 halus di-bawah kulit tetapi kulit tidak luka. Ini ialah akibat pukulan kuat menjadikan kulit bengkak dan lebam serta merta bertukar warna menjadi puchat atau di-sebabkan jatuh tersungkor atau tersudok.


CHARA RAWATAN

Beri pesakit dengan kedudukan sempurna dan letakkan bahagian chedera itu dengan baik. Chuchi-lah dengan ayer yang bersej dan sa-telah itu berilah tuman sejok atau letakkan ice berbungkos dengan kain bersej di-atas-nya.

CHARA MEMBUAT TUMAN SEJOK DAN ICE BERBUNGKOS (BAG)

TUMAN SEJOK

Basahkan taula kecil di-dalam mangkok yang berisi ayer ice yang sejok dalam dua tiga minit, kemudian parah dan lipat-lah menurut lebar lebam itu atau lebeh besar dari lebam dan letakkan di-atas lebam itu buat empat lima minit dan bila hilang sejok-nya rendamkan lagi ka-dalam ayer ice dan buat-lah saterus-nya seperti di-atas sa-hingga lebam itu berkurang.



ICE BERBUNGKOS

Simpan ice beku di-dalam taula kecil dan bungkos atau lut bag atau simpol-lah taula simpan dalam bag 'polythene', itu sa-chara berbungkos dan champor sedikit garam bagi menghanchorkan-nya dan menambahkan sejok. Ikat-lah mu-



RETURN QUESTIONNAIRE FORMS WITHOUT DELAY

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Statistics Section of the Economic Planning Unit, EPU, has asked firms and enterprises which have not yet returned their questionnaire forms to do so without delay.

The forms were sent to them in February and March with instructions that they must return them to EPU within forty days.

An EPU statement this week said the dateline for some of the firms and enterprises has long expired and there was still no sign of the forms being returned.

The statement also reminded all those concerned that failing to furnish the forms with the correct particulars will compel EPU to resort to Section 9 of the Statistics Enactment 1975.

Under the Enactment an offender will be liable to a fine not exceeding one thousand dollars, and in the case of a continuing offence to a further fine not exceeding five hundred dollars for each day after conviction during which the offence continues.

Job week in Belait

KUALA BELAIT. — About three hundred scouts and cubs in the Belait District will be visiting various places in the district this week to volunteer for work.

The scouts and cubs are taking part in the annual job week organised by the Belait District Scout Association.

The money collected will be in aid of the scouts fund.

RBMR soldiers build house for convert

BANGAR. — Fifty members of the Royal Brunei Malay Regiment last week carried out a voluntary work to build a house for an Islamic convert, Awang Adam bin Abdullah, at Kampong Simbatang in the Temburong District.

Building materials worth more than four thousand dollars were provided by the Muslim Religious Council of the Religious Affairs Department.

Our picture below shows some of those involved busy at their work.



Civic Course ends

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Commissioner of Labour, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibol Karib Pengiran Anak Idris last Wednesday officially closed

the three-day civic course on Manpower Guidance at the Youth Centre here.

The course, the theme of which was "Self reliance as the basis of development", was the first of its kind and was organised by the Information Section of the Secretariat with the cooperation of the Labour Department.

Fifty-six young men and women from throughout the State, who were still without employment, took part in the course and were given an idea of job opportunities as well as the social and economic development taking place in the State.

Picture above shows the Commissioner of Labour shaking hands with one of the participant Dayang Puan binte Moktar before presenting her with a certificate. On the Commissioner's left is the Administrative Officer of the Information Section Awang Zainal bin Haji Momin.

Some of the participants of the course (right).



Two senior officers attend seminar in Bangkok

BANDAR SERI BEGAWAN. — Two senior government officers are currently in Bangkok attending a seminar conducted by the United Nations for Asian and Pacific Development Institute.

They are the Brunei Muara District Officer

Awang Salleh bin Haji Hidup and the Acting Temburong District Officer Awang Abdul Aziz bin Mohammad.

The six-week seminar started on Monday and is being attended by representatives from countries in the Pacific region.

Traffic games competition

TUTONG. — The District Officer Awang Haji Yahya bin Haji Harris on Sunday declared open the traffic games competition held at the Sufri Bolkiah English School here.

The competition was organised

by the Brunei Shell Trade Relations Department.

About one hundred and twenty pupils from eight primary schools in the district took part.

Birthday celebration committee

PEKAN TUTONG. — The Tutong District Officer Awang Haji Yahya bin Haji Harris was unanimously re-elected chairman of the executive committee for His Highness the Sultan's birthday celebrations in the district this year.

His re-election came about at a meeting held last Thursday afternoon at the District Office conference room.

The meeting also re-elected about thirty other committee members.

Renovation work on parcel office

BANDAR SERI BEGAWAN. — Renovation work has begun on the present parcel office in the General Post Office here.

As a result the acceptance and delivery of both ordinary and C.O.D. parcels are being handled in one of the ware-

houses in the Customs Building here.

The Postal Services Department said office hours remain the same and expressed regret for any inconvenience caused to the public.

Boxer wins bronze medal

BANDAR SERI BEGAWAN. — One of the two Brunei boxers who took part in the Junior Boxing Championships in Karachi, Pakistan a fortnight ago, Awangku Abdul Rahman bin Pengiran Haji Mohiddin, won a bronze medal in the flyweight division.

Awangku Abdul Rahman and the other boxer Mat Layer, a member of the Royal Brunei Malay Regiment, returned home last week.

They were accompanied by Yang Dimuliakan Pehin Datu Indera Setia Dato Paduka Lieutenant Colonel Sulaiman bin Awang Da-

mit, an official of the Brunei Amateur Boxing Association.

Awangku Abdul Rahman is no newcomer to international boxing championships. Last year he won a silver medal in Manila.

Sepak takraw tourney

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Brunei Malay Teachers Association is organising a sepak takraw tournament as part of the forthcoming celebrations marking His Highness the Sultan's thirty-second birthday this July.

The tournament is open to government departments, schools, clubs and associations throughout the State.

It is scheduled to start at the Youth Centre here next month.

Entries will close on May 27.

SATU penyakit baru yang nampaknya sudah ada bibitnya dalam masyarakat kita ialah penyakit menyalahgunakan dadah. Ini menambal lagi penyakit lama yang sudah sedia ada, yang belum lagi semboh seperti penyakit akhlak, penyakit arak bagi sa-tengah orang dan lain2 lagi. Baru2 ini, melalui radio dan talivishen, satu berita telah menyebut berkenaan sa-orang perempuan muda bangsa Melayu telah didapati salah oleh Mahkamah kerana menyimpan dadah. Berita ini amat menyedehkan sekali, bahkan membimbangkan negara, sebab dari awal2 lagi penyakit itu di-kesan, sudah terdapat dari kalangan kaum ibu bangsa kita, apatah lagi kalau penyakit itu telah beransor tua dan melarat.

Mengedar, menyimpan dan apa-tah lagi memakan dadah itu, erti-nya ada-lah sama kita membuat rachun dan memberikan-nya kepada anak bangsa kita supaya mereka beransor2 rosak dan binasa beramai2. Kerana penyakit dadah itu chukop mudah berjangkit.

Satu hal yang perlu kita ingat, bahawa kisah dadah ini tidak pernah kita dengar dulu2-nya, melainkan kalau ada pun hanva kita mendengar satu nama sahaja ia-itu chandu. Tetapi dalam masa akhir2 ini, bermacam2 nama lagi kita dengar selain chandu seperti dadah, gania, heroin, morphin, madat, atau pil2 seperti pil MX dan lain2 lagi. Dan bukan sa-takat mendengar nama-nya sahaja, bahkan juga nama2 itu membawa kisah yang tidak baik kepada masyarakat.

Kita turut merasa chemas bila ada orang berkata, bahawa penyebaran dadah itu, serba sedikit-nya ada hubungan dengan rancangan2 musuh, baik ia bernama musuh negara atau pun musuh ugama, kedua2-nya ada-lah sama. Tujuan atau pun objektif musuh2 ini ia-lah untuk melemahkan sendi2 masyarakat yang terdiri daripada pemuda dan pemudi, supaya apabila hal ini berjaya di-lakukan, maka bagi bangsa atau umat yang sekarang sudah sedar dan sedang bekerja keras untuk bangun samula itu, seperti kita umat Islam, tidak-lah ada harapan bagi-nya lagi untuk terus bangun dan menegakkan diri. Kerana sendi2 masyarakat yang di-

KHUTBAH JUMAAT



DADAH RACHUN MASHARAKAT

gantungkan harapan membangun tadi telah patah atau ibarat kayu sedang "merabok" dimakan anai2.

Oleh hal yang demikian, mari-lah kita sama2 merenongkan hal ini, dan terutama bagi ibu-bapa, guru2 dan orang dewasa lainnya, kita jangan-lah hanya turut mendengar

sahaja kisah2 trajedi dadah itu, atau pun turut melihat, tetapi kita dengan segala kesedaran hendak-lah turut memberi sumbangan yang sa-dapat2-nya, dengan chara merhati dan memberikan nasehat2 kepada anak2 atau belia2 harapan bangsa dan tanah ayer-nya.



Kelihatan dalam gambar di-atas Meriani bte Abdullah sedang melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Awang Ahmad bin Abdul Razak. (Gambar JHEU).

Memelok Ugama Islam

DUA orang lagi telah memelok ugama Islam di-negeri ini baru2 ini di-dua majlis pengislaman yang berasingan.

Lee Mo Chan, 28 tahun, sa-orang perempuan China yang berasal dari Kuala Lumpur, Malaysia kini dikenali sa-bagai Siti Aisah bte Abdullah dalam satu majlis pengislaman yang berlangsung di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-ibu negeri baru2 ini.

Manakala Siti Wani bte Laki, 18 tahun, sa-orang gadis Dusun dari Kampong Batang Mitus, Tutong telah juga memelok ugama Islam dalam satu majlis pengislaman yang berlangsung di-Kampong Terunjing, Berakas. Siti Wani kini di-

kenali sa-bagai Meriani bte Abdullah.

Awg Ahmad bin Abdul Razak sa-orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei telah menyempurnakan pengislaman kedua2 saudara baru itu.

Sementara itu saudara baru Islam bertambah lagi sa-telah satu keluarga terdiri dari Puak Belait sa-ramai 7 orang memelok ugama Islam dalam satu majlis pengislaman yang berlangsung di-rumah Chegu' Jailani bin Hj Ghafar di-Pekan Seria pada 23hb April baru2 ini.

Mengepalai keluarga itu ia-lah Seruji bin Abon @ Seruji bin Hj Ghafar, 62 tahun, dan kini di-kenali sa-bagai Mohd Seruji bin

TIAP2 manusia yang hidup di-dunia ini di-tuntut membuat sebarang kebaikan dan bersungguh2 menchari serba kemajuan dengan seberapa banyak yang boleh untuk menchapai kebahagiaan, kemakmoran dan kesenangan hidup di-dunia dan akhirat.

Di-samping berbuat demikian kita di-kehendaki supaya sentiasa mengingati Allah s.w.t. penchipta alam semesta ini, walau di-mana kita berada dan walau apa pun bentok kerja yang di-buat asal-kan yang bukan larangan-Nya.

Salah satu chara bagi kita mengingati Allah itu ia-lah dengan membaca 'Bismillahir rahmanir rahim' yang dalam bahasa Melayu-nya bererti lebeh kurang "Dengan nama Allah yang maha pemurah dan maha pengasihani".

Ayat2 ini pendek saja, ringkas, mudah di-bacha dan senang pula di-hafaz, bahkan hampir semua orang boleh menyebut-nya. Tidak juga keterlaluan kita katakan kanak2 yang berumur tiga tahun pun boleh menyebut-nya.

Apabila kita memulakan sa-tiap perbuatan dan pekerjaan dengan membaca Bismillahir rahmanir rahim atau sa-kurang2-nya dengan Bismillah saja bererti kita telah memohon pertolongan Allah dan bergantung serta berlandong kapada-Nya. Ini-lah antara lain nikmat2-Nya yang besar kalau kita memakai kalimat suchi itu.

Kerana itu di-tuntut mengamalkan-nya, walau pun terlupa pada permulaan pekerjaan atau perbuatan ia

juga boleh di-bacha pada pertengahan, dan boleh juga di-bacha ketika penghabisan jika terlupa pada pertengahan-nya.

Sa-bagai mahklok, kita tiada mempunyai sebarang daya atau kuasa sa-lain dari berusaha dan berikhtiar dengan menggunakan alat2 dan panchaindera yang telah di-korbankan oleh Allah bagi menghasilkan sesuatu yang di-hajati.

Sebab itu kita di-tuntut bergantung kapada Allah kerana Ia yang maha pemurah dengan melimpahkan segala kemewahan dan kesenangan dan sebagai-nya sa-masa hidup di-dunia ini pada manusia tanpa membezakan asal-usul, warna kulit dan ugama — asalkan mereka itu berusaha; siapa yang lebeh usaha-nya lebeh-lah kemewahan-nya, begitu juga sa-balek-nya. Tetapi pemurah-Nya (Allah) di-akhirat hanya kapada orang2 Islam yang benar2 ta'at kapada-Nya dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan segala apa jua larangan-Nya.

Kita di-tuntut bergantung kapada Allah, kerana Allah maha mengasihani dengan me-

Bingkisan minggu ini

ngornikan segala rahmat-Nya dan nikmat-Nya kapada hambanya2-Nya menurut kadar usaha yang di-buat-nya. Tetapi dalam perkara2 kejahatan kita di-larang mengharapkan rahmat Allah atau balas kasehan-Nya, kerana bagaimana luas rahmat-Nya begitu juga besar kemurkaan-Nya, seperti mana firman-Nya dalam Surah Al-Hujurat ayat 49 dan 50 yang bermaksud kira2:

"Terangkan-lah wahai Muhammad bahawa sesungguhnya Aku (Allah) maha pengampun dan penyayang di-samping itu segala azab dan seksaan Ku (Allah) tersangat dahshat, tiada tahanan di-terima oleh sa-siapa pun".

Maka amat-lah munasabah bagi kita mengamalkan kalimat Bismillahir rahmanir rahim itu pada kesempatan2 dalam hidup kita bagi mendapatkan berkat dan kesan, agar dengan berbuat demikian kerja2 kita dan hidup kita sentiasa di-selubongi oleh rahmat Allah.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 3hb Mei, 1978 hingga ka-hari Selasa 9hb Mei, 1978 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzuhur	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
3hb Mei		12.24	3.38	6.31	7.43	4.39	4.53 6.07
4hb Mei		12.24	3.38	6.31	7.43	4.39	4.53 6.07
5hb Mei		12.24	3.38	6.31	7.43	4.39	4.53 6.07
6hb Mei		12.23	3.38	6.31	7.43	4.39	4.53 6.06
7hb Mei		12.23	3.38	6.31	7.43	4.39	4.53 6.06
8hb Mei		12.23	3.38	6.31	7.43	4.39	4.53 6.06
9hb Mei		12.23	3.38	6.31	7.43	4.39	4.53 6.06

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

SESUAI dengan kemajuan dan kehendak2 yang di-perlukan oleh masharakat di-bidang pelajaran yang kian bertambah dan meningkat dewasa ini, Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkihah juga tidak ketinggalan untuk terus bergiat mengorak langkah-nya ka-arrah pembisaian dan penyesuaian yang rapi sa-telah ia-nya memulakan kursus2 khas saperti yang telah di-nyatakan minggu lalu.

Untuk tujuan itu Maktab tersebut telah mengubah-suai kurikulum-nya mengikut perkembangan pelajaran yang ada ketika ini dalam mana pengambilan penuntut yang mengikuti kursus pengajian 1975/1977 sa-ramai 72 orang ada-lah merupakan kumpulan guru2 yang pertama terlibat dalam pengubah-suaiannya itu.

Saperti juga kehen- yang ujud sa-jauh ini dak2 yang di-perlukan telah menunjukkan oleh murid2 di-seko- bahwa perkembangan lah2 rendah dan pen- an sentiasa berjalan nuntut2 di-sekolah2 di-maktab tersebut damenengah, menyedia- lam menyahut chabakan tenaga pengajar ran bagi memenuhi kehendak2 persekolahan di-perengkat perguruan ini ada-lah memerlukan pembekalan pen- sharah2 yang benar2 kita.

Betapa tidak dengan hanya mempunyai kemampuan yang maseh berkurangan dari segi tenaga pengajar-nya maktab yang maseh berusia tidak sampai sa-dekad itu telah mampu melahirkan tenaga2 pendidik yang terlatah biar pun kebolehan dan keupayaan yang ada pada-nya belum dapat di-penuhi seluroh-nya dalam menyahut chabaran yang sentiasa ada.

Pun bagitu tidak heran-lah kepada kita jika chabaran yang sentiasa berlaku itu sering pula tidak di-biarkan bagitu saja malah ia-nya sentiasa diimbangi dengan berbagai2 usaha yang bermunafaat dan berfaedah oleh pehak maktab dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan melakukannya penghantaran dari pensharah2 tempatan. Kita tentu ka- keluar negeri untuk mengikut kursus2 di-

MENYAHUT CHABARAN MASA

perengkat ijazah dan diploma bagi meningkatkan mutu akademik pensharah2 saperti apa yang di-perlukan.

Untuk memenuhi sa-suatu keperluan yang di-kehendaki itu terchapai sa-penoh-nya ada-lah merupakan sa-suatu yang tidak mungkin sekali pun pertambahan tenaga pengajar sudah ada, namun kekurangan dalam beberapa segi maseh juga belum dapat di-penuhi saperti dalam mendapatkan tenaga pengajar-nya untuk mengajar di-beberapa jurusan mata-pelajaran yang tertentu.

Dalam hal ini masa-alah kekurangan tenaga pengajar untuk sabilangan mata pelajaran yang tertentu di-hadapi terutama apabila maktab tersebut meluaskan lagi perkembangan-nya dengan mengadakan buat pertama-kali-nya kursus latehan dalam perkhidmatan, kursus ulang-kaji untuk guru2 yang sedang berkhidmat, mengadakan seminar2 atau penyelidekan yang di-fikirkan mustahak oleh pehak maktab dalam usaha untuk meninggikan lagi mutu pendidekan pelajaran di-negeri kita yang maseh muda ini.

Semua perkembangan2 yang mula ranchak di-laksanakan itu boleh-lah kita sifatkan sa-bagai suatu jawapan untuk memenuhi seruan saperti apa yang terkandung dalam shor2 Surohanjaya Pelajaran Brunei ia-itu bagi memenuhi kehendak2 yang di-gariskan dalam Dasar Pelajaran baru yang di-lancarkan dalam tahun 1972.

Antara chatitan mengenai dengan shor2 surohanjaya itu bermaksud: Kejayaan pelaksanaan dasar yang di-shorkan akan sa-bahagian besar-nya bergantung kepada bilangan serta kaliber guru2 yang dapat di-perolehi. Surohanjaya memerhatikan bahawa keperluan2 bagi sekolah2 rendah Melayu sekarang sudah di-penuhi. Oleh yang demikian, rangka-kerja Maktab Perguruan patut-lah sekarang di-tumpukan untuk memenuhi keperluan2 persekolahan dalam Sistem Pelajaran yang di-shorkan itu dengan mengadakan bahagian2 kursus perguruan bagi tiap2 jenis perengkat persekolahan dan guru2 khas bagi tiap2 mata-pelajaran. Rangka-kerja itu patut-lah juga di-olah supaya kelayakan kaum guru yang ada sekarang dapat di-perbaiki sa-chara besar2an dan meluas... Tugas2 yang di-jalankan di-Maktab Perguruan bukan hanya terhad kepada melatah guru2 tetapi hendaklah di-luaskan juga sahingga menjadi pusat penyelidekan pendidekan.

Bagaimanapun disamping pehak maktab maseh kekurangan tenaga pengajar di-bi-

berkaliber besar, guru2 yang di-sebut-kan tadi, kekurangan tahan lasak dan tahan tukol.

Dari ucapan dan bentuk seruan yang pahit serta keras ini tentu-lah guru2 dan bakal2 guru tidak akan tawar hati untuk menyahut dan galak berkechimbang melaksakan tanggung-jawab masing2 dalam menuaikan hasrat negara dan masharakat kita bagi mewariskan suatu jenerasi yang terpimpin, berpelajaran, bersemangat dan segala-nya yang boleh menampakkan bangsa kita sa-bagai sa-buah masharakat yang beridentiti di-masa hadapan.

Namun demikian saperti apa yang telah di-ingatkan kepada lepasan maktab itu oleh Pengetua Maktab bahawa dengan kejayaan yang baru di-perolehi itu bukan-lah bermakna yang usaha dan tugas mereka telah chukop, tetapi ilmu dan kelulusan yang di-perolehi itu hanya-lah merupakan suatu asas atau tapak bagi kaum guru untuk terus berusaha dan berilmu dalam menuju alam yang lebih aktif, progressif, dinamik dan harmoni.

Dalam kata lain isi nasehat itu lagi, ilmu dan kelulusan itu adalah merupakan modal untuk membolehkan guru2 membimbing anak2 bangsa, memberi fatwa yang boleh mem-berangsang segenap jiwa dan panchaindera Pelajaran akan terus jenerasi kita untuk mencapai kemajuan dalam aspek2 kejasmanian dan kerohanian demi memenuhi hasrat bangsa, ugama dan negara kita.



Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 8hb. hingga 13hb. Mei, 1978

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Sungai Hanching	8.5.1978	Isnin	3.00- 4.00 petang
Berhadapan Kedai, Pekan Muara	8.5.1978	Isnin	4.30- 5.30 "
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah)	9.5.1978	Selasa	9.15-10.15 pagi
Sekolah Melayu Anggerek Desa	9.5.1978	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis	10.5.1978	Rabu	8.30- 9.30 "
Sekolah Melayu Pengkalan Batu	10.5.1978	Rabu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Masin	10.5.1978	Rabu	11.30-12.00 T/hari
Sekolah Melayu Birau	13.5.1978	Sabtu	1.30- 2.30 petang
Sekolah Melayu Kiudang	13.5.1978	Sabtu	2.45- 3.45 "
Sekolah Melayu Lamunin	13.5.1978	Sabtu	4.00- 5.00 "



KADET2 AMDB ADAKAN LATEHAN KETENTERAAN

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-ramai 235 orang ahli kadet dari pasukan Askar Melayu Diraja Brunei telah mengadakan latihan2 ketenteraan sa-lama lima hari di-kawasan Jungle Range Complex sini baru2 ini.

Kadet2 tersebut ada-lah mewakili sekolah2 menengah dan maktab2 di-seluruh negeri ini. Sa-banyak delapan buah platon mewakili Maktab SOAS, Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, Maktab Anthony Abell dan Sekolah Sultan Hassan Bangar.

Latihan ketenteraan itu di-ketuai oleh Major Ibrahim bin Jumat yang juga selaku Pegawai Pemerintah bagi kadet2 itu. Latihan itu juga di-sertai oleh pegawai2 kadet yang mewakili sekolah dan maktab masing2.

Dalam latihan itu, kadet2 itu menghadapi latihan menembak dengan menggunakan peluru2 hidup, mempelajari taktik menyerang musuh dan latihan membaca peta. Disamping itu, pasukan2 kadet itu juga berkesempatan mengadakan perlawanan

sepaktakraw antara platon2. Tidak berapa lama lagi, pasukan AMDB akan mengadakan perlawanan2 seperti bolasepak, bolatampar, tinju dan lain2 lagi antara platon2 kadet AMDB — Berita dan gambar kiriman Mohd Haranadi, Maktab SOAS.

GAMBAR2 ini menunjukkan ketika kadet2 tersebut menjalani beberapa kegiatan seperti melalui jejantas tali untuk menguji kecekapan mereka ketika tiada jambatan lain untuk di-lalui (bawah) menembak dengan menggunakan peluru hidup (kiri); perlawanan sepaktakraw di-antara platon. Sekolah Sultan Hassan Temburong menewaskan pasukan kadet Maktab SOAS (kiri bawah) dan memasak untuk makan tengah-hari (kanan).



Belia Sumbiling anjor perjumpaan muhibbah

BANDAR SERI BEGAWAN.— Satu perjumpaan muhibbah anjoran Persatuan Belia Sumbiling, telah di-langsungkan di-tempat kediaman Ketua Kampong, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Dewa Dato Paduka Awang Haji Musa, di-Jalan Istana Darussalam baru2 ini.

Tujuan perjumpaan tersebut untuk mengenalkan serta bermesra2 dengan Pehin Dato Musa yang baru di-lantik untuk menjalankan tugas2 sa-bagai Ketua Kampong. Perjumpaan tersebut juga bertujuan bagi menarek minat belia di-kampung itu untuk menjadi ahli2-nya.

Dalam perjumpaan tersebut, Pehin Dato Musa telah menyatakan kesanggupannya untuk berusaha serta bersedia memberikan bantuan demi kesejahteraan penduduk kampung di-samping menegaskan agar

penduduk kampung sentiasa bekerjasama terutama pada perkara2 yang berkebaikan.

Turut berucap ia-lah Pengerusi Persatuan Belia Sumbiling, Che'gu Haji Mohammad bin Ja'afar — Kiriman Setia Usaha Persatuan Belia Sumbiling, Awg Osman PTIDP Haji Md. Tamin.

Perlawanan sepak takraw perengkat akhir

BANDAR SERI BEGAWAN.—Perlawanan sepaktakraw antara Sekolah2 Menengah Bawah / Atas perengkat negeri akan di-langsungkan di-Pusat Belia sini pada 6hb Mei mulai jam 2.00 petang.

Sa-banyak enam pasukan "A", enam pasukan "B" dan empat pasukan Sekolah2 Menengah Atas akan menyertai pertandingan akhir.

Bolasepak sekolah2 Asia

BANDAR SERI BEGAWAN.—Jabatan Pelajaran telah memilih sa-ramai 22 orang pemain bolasepak terdiri dari penuntut2 berumur di-bawah 18 tahun bagi persiapan pertandingan bolasepak antara sekolah2 di-Asia.

Latihan sa-tempat di-mulakan semalam dan di-adakan bergilir2 mengikut daerah.


Negeri Brunei di-jangka mengahadiri pertandingan tersebut yang akan di-langsungkan pada bulan Ogos 1978 di-Seri Langka. Pada tahun lalu Brunei menyertai pertandingan tersebut di-Agra, India.

Kegiatan2 Bahagian Jasmani bagi Mei & Jun

BANDAR SERI BEGAWAN.—Kegiatan atau projek bulanan Jabatan Pelajaran Bahagian Pendidikan Jasmani bagi bulan Mei dan Jun 1978, ada-lah seperti berikut:—

1. Perlawanan S/Takraw perengkat Negeri Sekolah2 Menengah Atas pada hari Selasa 2hb Mei, 1978.
2. Penutup Pendaftaran menyertai Sokan Sekolah2 Menengah Atas pada hari Sabtu 6hb Mei, 1978 jam 4.00 petang.
3. Perlawanan B/Tampar Sekolah2 Men. Bawah pada hari Sabtu 6hb Mei, 1978.
4. Meshuarat Sokan Sekolah2 Menengah Atas pada hari Khamis 11hb Mei, 1978 jam 9.00 pagi (di-Daerah Brunei/Muara).
5. Penutup Pendaftaran Sokan Sekolah2 Rendah pada hari Sabtu 13hb Mei, 1978 jam 12.00 tengah hari.
6. Perlawanan B/Tampar perengkat negeri Sekolah2 Men. Bawah/Atas pada hari Sabtu 20hb Mei, 1978.
7. Pemilihan Sokan Sekolah2 Men. Bawah bagi daerah2 Brunei/Muara, Belait, Tutong dan Temburong pada 22hb-25hb Mei, 1978.
8. Perlawanan Hoki Perengkat daerah Sekolah2 Men. Bawah pada hari Sabtu 27hb Mei, 1978.
9. Perlawanan Hoki Perengkat daerah Sekolah2 Men. Atas pada hari Isnin 29hb Mei, 1978.
10. Pemilihan perengkat negeri pemain2 Bolasepak Kumpulan "C".
11. Menerima nama2 wakil2 peserta Sokan Sekolah2 Men. Bawah dari tiap2 daerah pada Rabu 31hb Mei, 1978.

1. Meshuarat Sokan Sekolah2 Men. Bawah pada hari Sabtu 3hb Jun, 1978 jam 8.30 pagi bertempat di-SIPW, Kuala Belait.
2. Perlawanan Hoki perengkat Negeri Sekolah2 Men. Bawah pada hari Selasa 6hb Jun, 1978.
3. Perlawanan Hoki perengkat negeri Sekolah2 Men. Atas pada hari Khamis 8hb Jun, 1978.
4. Sokan Sekolah2 Rendah Bahagian Brunei I pada hari Isnin 12hb Jun, 1978 dari pagi hingga petang di-Padang SMJA, Bandar Seri Begawan.
5. Sokan Sekolah2 Menengah Atas Sa-Negeri pada hari Ahad 18hb Jun, 1978 di-Padang SIB. dari pagi hingga petang.
6. Sokan Sekolah2 Rendah Daerah Belait pada hari Isnin 26hb Jun, 1978 dari pagi hingga petang di-Padang SM. Lumut.
7. Sokan Sekolah2 Rendah Bahagian Brunei III pada hari Isnin 26hb Jun, 1978 dari pagi hingga petang di-Padang SM. Masin.
8. Sokan Sekolah2 Rendah Bahagian Tutong I pada hari Khamis 29hb Jun, 1978 dari pagi hingga petang di-Padang SM. Lamunin.
